

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

NO. SOALAN : 57

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah pusat
Tuisyen Rakyat @ KKLW yang beroperasi di seluruh
negara dan berapakah jumlah pelajar yang
menyertai program ini serta sejauh manakah
keberkesanan program ini bagi meningkatkan
pencapaian akademik pelajar- pelajar tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah B40 (bawah RM3,500) di luar bandar melalui Program Tuisyen Rakyat@KKLW.

Pelaksanaan Tuisyen Rakyat@KKLW bermula pada tahun 2016 dan berkonsepkan *Community Social Responsibility* (CSR) oleh agensi pelaksana iaitu dengan menggunakan peruntukan dalaman Jabatan/Agensi masing-masing untuk menjayakan pelaksanaan program ini.

Program yang memfokuskan calon-calon peperiksaan UPSR dan SPM ini memberi tumpuan kepada mata pelajaran teras melalui kelas bimbingan tambahan percuma yang dilaksanakan melalui kerjasama agensi-agensi pelaksana di bawah Kementerian seperti Yayasan Pelajaran MARA (YPM), RISDA,

FELCRA, KESEDAR, KETENGAH, KEJORA, KEDA dan JAKOA.

Sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 526 pusat tuisyen telah beroperasi dan seramai 24,096 pelajar telah terlibat di dalam pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat@KKLW di seluruh negara. Pecahan pusat tuisyen dan pelajar mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL. PUSAT	BIL. PELAJAR
Perlis	7	325
Kedah	50	1,237
Kelantan	74	2,823
Terengganu	48	1,766
Pulau Pinang	11	760
Perak	61	2,961
Pahang	49	1,843
Selangor	28	2,211
WP Labuan	1	100
Negeri Sembilan	28	1,134
Melaka	11	545

NEGERI	BIL. PUSAT	BIL. PELAJAR
Johor	83	5,161
Sabah	40	1,960
Sarawak	35	1,270
JUMLAH	526	24,096

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat@KKLW telah berjaya meningkatkan prestasi akademik mata pelajaran teras pelajar-pelajar yang terlibat iaitu peningkatan sebanyak 19.97 peratus (%) bagi pelajar-pelajar peringkat SPM dan 4.1 peratus (%) bagi pelajar-pelajar peringkat UPSR berdasarkan perbandingan keputusan peperiksaan percubaan dan peperiksaan sebenar.